

INKLUSIF

PEMBANGUNAN BERPAKSIKAN RAKYAT

LAPORAN TAHUNAN **2018**



KANDUNGAN

Mengenali NCER	3
Rangka Kerja Strategik NCER	4
Penyata Pengerusi	6
Penyata Jawatankuasa Eksekutif	8
Anggota NCIA	10
Jawatankuasa Audit NCIA	11
Pengurusan NCIA	12
Mesyuarat Ke-19 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	13
Sorotan 2018	14
Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama 2018	15
Projek-Projek & Program Yang Telah Dilaksanakan Di NCER	16
Projek-Projek NCER Mengikut negeri	
• <i>Projek-projek NCER sedang dilaksanakan di negeri Kedah</i>	18
• <i>Projek-projek NCER sedang dilaksanakan di negeri Pulau Pinang</i>	19
• <i>Projek-projek NCER sedang dilaksanakan di negeri Perak</i>	20
• <i>Projek-projek NCER sedang dilaksanakan di negeri Perlis</i>	21
Laporan Kemajuan Projek-projek dan Inisiatif di NCER	23
Warga Kerja NCER	33
Penyata Kewangan	37
Direktori	


MENGENALI NCER

Konsep koridor ekonomi adalah hasil hasrat kerajaan Malaysia untuk membangunkan setiap wilayah di dalam negara ini agar mencapai pembangunan ekonomi yang terangkum dan saksama. Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), yang merangkumi negeri-negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis, ditubuhkan untuk mencapai profil pembangunan yang lebih inklusif dan seimbang di seluruh Malaysia.

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) adalah pihak yang bertanggungjawab untuk menyediakan hala tuju dan untuk merangka dasar dan strategi menggalakkan serta mempercepatkan pembangunan NCER sebagai wilayah yang bertaraf antarabangsa dan destinasi pilihan untuk pelaburan, pekerjaan dan kehidupan.

NCIA memacu strategi serantau kerajaan dalam agenda pembangunan ekonomi untuk mentransformasi Malaysia menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dengan memangkin dan melaksanakan program pembangunan nilai tambah dalam pembangunan tiga (3) kluster industri utama iaitu Pembuatan, Pertanian & Bio-Industri serta Perkhidmatan. Subsektor untuk Perkhidmatan termasuk Pelancongan, Logistik dan Perhubungan; serta Perkhidmatan Perniagaan Global. NCIA memudahcarakan penyertaan sektor swasta dengan ekosistem kondusif yang melibatkan kerjasama dan penyelarasan dengan agensi-agensinya kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri dengan mempromosikan pelaburan asing dan domestik.

SEKTOR UTAMA NCER



RANGKA KERJA STRATEGIK NCER

PERTUMBUHAN BERTERASKAN KESAKSAMAAN SOSIAL

VISI | Menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang 2025

MISI | Mengenal pasti peluang-peluang komersial yang berdaya maju serta melaksanakan inisiatif strategik untuk:

Menggalakkan pertumbuhan ekonomi bagi menangani ketidakseimbangan dalam dan antara wilayah; dan meningkatkan keterangkuman.

Mencapai pertumbuhan yang seimbang dalam semua sektor:


- *Pembuatan*
- *Pertanian dan Bio-Industri*
- *Perkhidmatan*

Memupuk perkembangan bakat bagi memenuhi keperluan yang semakin meningkat di wilayah ini.

Meningkatkan pelaburan dari sektor swasta serta inisiatif pembiayaan swasta.

TERAS STRATEGIK

*Sektor tumpuan: Pembuatan; Pertanian & Bio-Industri; dan Perkhidmatan (Pelancongan, Perkhidmatan Perniagaan Global, Logistik & Perhubungan)





KDNK pada 2018
(pada harga malar 2015)
RM214 bilion



Jumlah pekerjaan
(pada 2018)
2.9 juta



Populasi pada 2018
6.68 juta



Pekerjaan diwujudkan
(sehingga 2018)
119,819 pekerjaan



Jumlah pelaburan ke
NCER (sehingga 2018)
RM96.7 bilion

3 SEKTOR UTAMA



PEMBUATAN



PERTANIAN
& BIO-INDUSTRI



PERKHIDMATAN

PERANAN UTAMA NCIA DALAM RANTAIAN NILAI WILAYAH



MERANCANG
Menentukan dasar, hala
tuju dan strategi untuk
mempercepatkan
pembangunan NCER.



MEMPROMOSI
Mempromosi dan
memperkasakan jenama
NCER untuk menarik
pelaburan ke rantau ini.



MEMUDAHCARA
Menarik pelaburan swasta
dengan memudahcara
kelulusan pelaburan dan
menyelaras inisiatif
pertumbuhan serantau.

PENDEKATAN NCIA DALAM MEMACU PEMBANGUNAN NCER



Melaksanakan pendekatan serantau bagi
pembangunan sosioekonomi



Meningkatkan penyertaan sektor swasta &
inisiatif pembiayaan swasta




Mengukuhkan keupayaan institusi dan
pelaksanaan



Meningkatkan penyertaan dan kerjasama
menerusi model *Quadruple Helix*

PENYATA PENERUSI



YAB PERDANA MENTERI MALAYSIA
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD

Kemajuan sosioekonomi rakyat di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) perlu diiringi pertumbuhan yang inklusif, jika kita mahu melihat hasil keuntungan diagihkan secara saksama dengan setiap lapisan masyarakat. Kerana itu usaha untuk memperkukuh agenda pembangunan Negara berasaskan prinsip pertumbuhan dengan ekuiti perlu berterusan supaya manfaatnya dikongsi oleh semua seiring dengan aspirasi mencapai status Negara maju.

Dalam menjayakan agenda pertumbuhan ekonomi yang mampan, Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) telah bekerjasama dengan agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta dari dalam dan luar Negara untuk menarik pelaburan dan mempercepatkan pertumbuhan NCER. Sejak ditubuhkan pada tahun 2008, fokus NCIA menjurus kepada pembangunan infrastruktur utama, mengenal pasti pelabur berpotensi dan mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi mengukuhkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan NCER.

Pembangunan sosioekonomi wilayah ini dilonjakkan melalui penglibatan aktif masyarakat tempatan dan strategi pembangunan yang memberi pulangan yang tinggi demi kesejahteraan rakyat. Hasil kerjasama NCIA dengan agensi-agensi Kerajaan pusat dan negeri sejak sedekad lalu telah mencatatkan Pelaburan Swasta berjumlah RM96.7 billion secara kumulatif serta mewujudkan 119,819 peluang pekerjaan.

NCER memberi fokus kepada tiga sektor utama iaitu sektor pembuatan, pertanian moden dan perkhidmatan. Ini untuk memastikan kekayaan jangka panjang terus dapat dijana.

Pembangunan projek-projek strategik dan berimpak tinggi bakal memberikan kesan limpahan ekonomi melalui pembinaan infrastruktur dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan sekaligus merapatkan jurang di antara negeri-negeri di NCER dan di Malaysia secara keseluruhannya.

Antara projek-projek yang dilaksanakan ialah Kedah Rubber City (KRC), Kedah Science & Technology Park (KSTP) dan Chuping Valley Industrial Area (CVIA). Ketiga-tiga projek tersebut juga merupakan inisiatif Pembangunan Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) dengan agenda utama untuk mewujudkan kerjasama serantau serta menonjolkan kelebihan strategik untuk menarik penyertaan pelabur.

Bagi melahirkan modal insan berkemahiran tinggi, tenaga kerja di wilayah ini harus kekal berdaya saing dan bergerak seiring dengan transformasi digital. Maka, usaha Kerajaan perlu disokong dalam melahirkan tenaga mahir tempatan yang mempunyai kemahiran tinggi dan berinovasi seterusnya future ready untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara lebih berdaya saing dan membangun dalam era globalisasi serta Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0).

Semasa Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas, peranan NCIA dikenal pasti dalam usul menuju ke arah Pembangunan Wilayah yang seimbang, khususnya bagi memperkukuh pembangunan ekonomi wilayah serta merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar.

Saya ingin merakamkan penghargaan kepada kerajaan-kerajaan negeri Kedah, Pulau Pinang, Perak dan Perlis, serta semua agensi pelaksana atas usaha dan kerjasama mereka dalam memperkasakan ekonomi Negara.

Saya juga ingin ucap tahniah kepada pihak pengurusan dan kakitangan NCIA yang telah menjalankan amanah dan tugas dalam menjayakan agenda pembangunan NCER. Saya menyeru agar semua pihak yang terlibat terus berganding bahu untuk memastikan pertumbuhan ekonomi Negara kekal mampan serta pengagihan kekayaan dibuat secara telus, adil dan saksama.

Terima kasih.



Tun Dr. Mahathir Mohamad
Perdana Menteri Malaysia

PENYATA JAWATANKUASA EKSEKUTIF

Pucuk kepimpinan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) diterajui oleh Jawatankuasa Eksekutif (EXCO) NCIA bagi mengisi kekosongan jawatan Ketua Eksekutif bermula 15 Mei 2018. Kerjasama erat dan sokongan padu daripada pihak-pihak berkepentingan telah membantu NCIA memacu pertumbuhan ekonomi dengan mengekalkan momentum pembangunan dan menyemarakkan penyertaan sektor swasta ke dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Peranan NCIA dalam pembangunan sosioekonomi NCER telah diselaraskan lagi semasa Kajian Separuh Penggal (MTR) Rancangan Malaysia ke-11 pada tahun 2018 bagi memastikan usaha-usaha di empat negeri di wilayah NCER sejajar dengan RMK-11, terutamanya dalam kesinambungan pembangunan ekonomi serantau yang seimbang serta merapatkan jurang pembangunan di antara bandar dan desa. Maka, NCIA akan memastikan usaha-usaha dan inisiatif sentiasa diperhebatkan bagi mencapai pembangunan wilayah yang seimbang, seperti yang ditekankan dalam MTR.

NCIA akan terus memacu evolusi NCER ke arah menjadi rantau sosioekonomi bertaraf dunia dengan melaksanakan program pembangunan inisiatif-inisiatif strategik terutamanya dalam kluster industri Pembuatan, Pertanian Moden dan Perkhidmatan, yang merangkumi Pelancongan,

Logistik dan Perhubungan; serta Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS).

Projek-projek strategik yang berimpak tinggi seperti Kedah Rubber City, Kedah Science & Technology Park, Chuping Valley Industrial Area, Perlis Inland Port dan Penaiktarafan Terminal Keretapi Kargo Padang Besar sedang dibangunkan untuk menjadi pemangkin dalam meneraju pembangunan NCER. Projek-projek infrastruktur ini yang bakal menampilkan pusat penyelidikan, perkembangan teknologi, institusi-institusi pendidikan, kawasan perindustrian bernilai tinggi dengan potensi limpahan ekonomi, bakal memberi manfaat kepada rakyat setempat dengan menambah peluang pekerjaan dan perniagaan kepada mereka.

Turut diberi penekanan ialah industri pelancongan yang merupakan salah satu industri yang pesat berkembang dan kian merangkumi pelbagai segmen. NCIA menyedari potensi industri ini yang mampu melonjakkan ekonomi negara melalui aktiviti-aktiviti pelancongan *niche* sambil memelihara warisan, budaya dan tapak-tapak ekopelancongan negara. Tahun 2018 menyaksikan penerusan aktiviti pelancongan yang terangkum di dalam inisiatif *Greater Kamunting Conurbation* (GKC), termasuk 'Majlis Perasmian Hentian Royal Belum Amanjaya' di Pulau Banding oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah ibni Almarhum



Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah. Inisiatif menaik taraf terminal jeti awam ini telah membantu memperkasa kelestarian pembangunan Orang Asli di samping meningkatkan infrastruktur pelancongan di Hutan Hujan Belum Temengor (BTTR).

Di peringkat organisasi, kecekapan operasi dan kesediaan organisasi terus diberi penekanan. Pada tahun 2018, NCIA telah berfokus pada menambah baik proses-proses dalaman dan mengamal penjimatan dalaman yang secara langsung telah mentransformasi organisasi, lantas memberi nafas baru dalam cara pemikiran organisasi secara keseluruhan. Hasilnya, NCIA berjaya mencapai indeks prestasi utama (KPI) yang ditetapkan, sekali gus menyerlahkan potensi dan kewibawaan kakitangan NCIA.

Di samping itu, nilai-nilai teras i-STAR yang merupakan DNA organisasi NCIA diterapkan dalam diri setiap kakitangan ke arah mewujudkan budaya prestasi cemerlang. Kami ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada warga NCIA yang berpegang teguh kepada nilai-nilai teras i-STAR iaitu *Integrity & Professionalism, Speed, Teamwork, Accountability* dan *Mutual Respect* semasa menjalankan tanggungjawab masing-masing.

Warga NCIA tetap berusaha menjayakan objektif strategik NCIA iaitu menarik dan merealisasikan pelaburan swasta di NCER serta memastikan pelaksanaan dan pencapaian projek. Kami yakin dengan struktur organisasi yang mantap, budaya korporat yang jelas dan tenaga kerja mahir serta komitmen sepenuhnya telah diberikan untuk memacu prestasi dan pembangunan wilayah ini.

NCIA terus berupaya mewujudkan ekosistem yang mesra-perniagaan serta lebih kondusif di samping memastikan limpahan kejayaan diagihkan sama rata kepada rakyat. Dalam pada itu, kami berterima kasih kepada kerajaan persekutuan, kerajaan negeri, agensi-agensi berkenaan serta warga NCER atas pelbagai sumbangan terhadap pencapaian NCIA. Kami juga amat terhutang budi kepada YAB Perdana Menteri Malaysia selaku Pengerusi NCIA dan Ahli-Ahli Majlis atas pedoman dan sokongan berterusan yang memberi nafas baharu dalam usaha menerajui NCIA. Pucuk pimpinan yang baharu sudah pasti akan melonjakkan Malaysia melalui pembangunan yang berteraskan prinsip-prinsip sejagat yang dihayati serta dibangunkan dengan tadbir-urus yang baik, inklusif dan progresif.

Akhir kata, ahli-ahli EXCO ingin merakamkan penghargaan kepada Datuk Redza Rafiq, selaku Ketua Eksekutif NCIA sehingga pertengahan bulan Mei tahun 2018 atas kepimpinan beliau. Terima kasih juga diucapkan kepada warga NCIA atas komitmen dan dedikasi dalam usaha mencapai misi dan visi NCER. Pihak NCIA akan meneruskan usaha demi merealisasikan impian kerajaan untuk menangani jurang pendapatan dan ketidaksaksamaan sosial serta memastikan masyarakat Malaysia maju dari segi ekonomi dan sosial.



ZUHAIRI MOHMAD
Perkhidmatan Korporat

FAJAFFRI MOHD FADZIL
Pembangunan

HASRI A HASAN
Perancangan Strategik
& Pengurusan Risiko

ANGGOTA NCIA



MENTERI BESAR KEDAH
YAB DATO' SERI UTAMA
HAJI MUKHRIZ BIN
TUN MAHATHIR



KETUA MENTERI
PULAU PINANG
YAB TUAN
CHOW KON YEOW



MENTERI BESAR PERAK
YAB DATO' SERI
AHMAD FAIZAL BIN
DATO' AZUMU



MENTERI BESAR PERLIS
YAB DATO' SERI
AZLAN BIN MAN



MENTERI KEWANGAN
YB TUAN LIM GUAN ENG



MENTERI HAL EHWAL EKONOMI
YB DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI



KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN
TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR

*KETUA EKSEKUTIF
PIHAK BERKUASA
PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
(SETIAUSAHA)
YBHG. DATUK REDZA RAFIQ
(Sehingga 15 Mei 2018)*

JAWATANKUASA AUDIT N CIA

PENGERUSI

YB Tuan Haji Zainal Azman Bin Abu Seman
SUK Perak

AHLI-AHLI

YB Dato' Paduka Ammar Bin Dato' Shaikh Mahmood Naim
SUK Kedah

YB Datuk Seri Farizan Bin Darus
SUK Pulau Pinang

YB Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin Bin Syed Ikhsan
SUK Perlis

YBhg. Datuk Dayang Sadiyah Binti Abang Bohan
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar)
Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Kementerian
Kewangan Malaysia

Puan Noranida Binti Zainal
Timbalan Pengarah III
Bahagian Pembangunan Wilayah Kementerian Hal Ehwal
Ekonomi

Puan Mastura Binti Marsam
Ketua Unit Integriti
Kementerian Kewangan Malaysia

PENGURUSAN NCIA

pada 31 Disember 2018

JAWATANKUASA EKSEKUTIF



ZUHAIRI BIN MOHMAD
PERKHIDMATAN KORPORAT



FAJAFFRI BIN MOHD FADZIL
PEMBANGUNAN



HASRI BIN A HASAN
*PERANCANGAN STRATEGIK
& PENGURUSAN RISIKO*

PENGURUSAN KANAN



**MOHAMAD HARIS
BIN KADER SULTAN**
KEWANGAN



**DATIN SHAHDEE
BINTI DATO' AHMAD**
TRANSFORMASI & KOORDINASI



ONG KENG MENG
AUDIT DALAMAN



**RAMESH KUMAR VERMA
A/L R SOHAN LAL**
UNIT PENILAIAN BERPUSAT



**AEMIZUREEN
BINTI KAMARUDIN**
KOMUNIKASI KORPORAT



LIM MENG CHYE
*PENASIHAT
UNDANG-UNDANG*

MESYUARAT KE-19 PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA



YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad julung kali mempengerusikan Mesyuarat Ke-19 Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, pada 17 Oktober 2018. Hadir bersama adalah Menteri Besar Kedah, YAB Dato' Seri Utama Hj. Mukhriz Tun Mahathir; Ketua Menteri Pulau Pinang, YAB Tuan Chow Kon Yeow; Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Ahmad Faizal Dato' Azumu; Menteri Besar Perlis, YAB Dato' Seri Azlan Man; dan disertai Datuk Ahmad Badri Mohd Zahir, Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Dato' Nik Azman Nik Abdul Majid, Ketua Setiausaha Kementerian Hal-Ehwal Ekonomi.

Agenda utama yang telah dibentangkan semasa mesyuarat tersebut adalah Hala Tuju Strategik NCER, penubuhan Jawatankuasa Pemandu Negeri dan *Key Performance Indicator* (KPI) untuk NCIA, diikuti perbincangan tentang pelantikan anggota-anggota Pihak Berkuasa iaitu Menteri


Kewangan dan Menteri Hal Ehwal Ekonomi sebagai wakil-wakil Menteri Persekutuan; Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebagai wakil perkhidmatan awam; dan pencalonan wakil-wakil sektor swasta. Turut dibentangkan adalah penubuhan Jawatankuasa Eksekutif Pengurusan NCIA; Jawatankuasa Imbuan & Pencalonan; serta pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Audit NCIA bermula tahun 2019.

Hasil Mesyuarat Pihak Berkuasa telah dijadikan panduan dan strategi bagi menangani ketidakseimbangan serantau serta keperluan untuk menambahbaik proses bagi menarik lebih ramai pelabur agar menjadikan NCER mesra perniagaan. NCIA turut diiktiraf sebagai platform untuk membincangkan perkara-perkara yang melibatkan kepentingan keempat-empat negeri sebagai agensi yang akan merancang, menggalak dan memudahcara pembangunan serantau di NCER.




SOROTAN 2018


PELABURAN SWASTA TERKUMPUL 2009-2018 (dalam RM Bilion)



PELABURAN SWASTA KUMULATIF MENGIKUT SEKTOR (dalam RM Juta)




PECAHAN PELABURAN SWASTA (dalam RM Juta)



FDI - Pelaburan Langsung Asing
DDI - Pelaburan Langsung Domestik

SENARAI 5 LOKASI TERATAS DALAM PELABURAN LANGSUNG ASING (dalam RM Juta)



PENCAPAIAN PETUNJUK PRESTASI UTAMA 2018



PIHAK BERKEPENTINGAN **60%**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Pelaburan Swasta Kumulatif Tercapai

SASARAN

RM96.4 bilion

PENCAPAIAN

RM96.7 bilion

Pewujudan Kerja Kumulatif

122,800

119,819

Peningkatan Dalam Pendapatan Inisiatif Pembangunan Sosial

25-30%

54%

Bantuan Komuniti / Program Sentrik Rakyat

3,500

3,889



KEWANGAN **15%**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Penggunaan Dana Perbelanjaan Pembangunan (DE) yang diperuntukkan sehingga Tahun 2018

SASARAN

61-70%

PENCAPAIAN

86%

Perbelanjaan Mengurus (OE) Dalam Dana Sedia Ada Sehingga Tahun 2018

100%

91%



PROSES OPERASI DALAMAN **15%**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Pelaksanaan Pencapaian Nod Pertumbuhan & Projek RMK11

SASARAN

70-74%

PENCAPAIAN

70%

Penarafan Audit Jabatan Audit Negara

MEMUASKAN

TIADA TEGURAN



PEMBELAJARAN & PERKEMBANGAN **10%**

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

Penarafan Tahap Keuasan Kakitangan

SASARAN

2.5-3.5

PENCAPAIAN


3.71

Pengekalan Kakitangan

85%

91%

PROJEK-PROJEK & PROGRAM YANG TELAH DILAKSANAKAN DI NCER



KEDAH

- 1 EMM 1.0**
Penggunaan mekanisme inovatif dan aktiviti moden untuk meningkatkan hasil penanaman padi di Asun dan Kuala Muda Selatan, Kedah.
- 2 Nestle Paddy Club**
Sebuah kolaborasi antara NCIA, Nestle dan para petani di Kerpan, Kedah dalam aktiviti hiliran.
- 3 Projek-projek Pertanian**
Pelbagai projek untuk meningkatkan rantaian nilai pertanian dan bio-industri di Sungai Petani, Bukit Tanga dan Langkawi, Kedah.
- 4 Community Innovation Centres**
Berkonsepan inovasi sosial melalui penglibatan akademik, komuniti dan NCIA di Sik, Jerlun dan Pedu, Kedah.
- 5 Program-program Latihan & Kemahiran**
Pelbagai program latihan yang dirancang untuk memenuhi keperluan industri dan peningkatan kemahiran rakyat di Kulim, Langkawi dan Merbok.
- 6 Kulim Hi-Tech Park**
Usaha untuk meningkatkan daya huni di KHTP di Kulim, Kedah.

PERAK

- 1 Royal Belum Phase 1**
Royal Belum Fasa I telah selesai: Menaik taraf 3 *Basecamps*; jeti baharu di Royal Belum telah disiapkan.
- 2 Greater Kamunting Conurbation (GKC)**
66 inisiatif dikenal pasti dan 30 telah selesai/berterusan. Menaik taraf Zoo Taiping serta taman perindustrian.
- 3 Program-program Latihan & Kemahiran**
Pelbagai program latihan yang dirancang untuk memenuhi keperluan industri dan peningkatan kemahiran rakyat yang dijalankan di Taiping, Manjung dan Royal Belum, Perak.
- 4 Projek-projek Pertanian**
Projek untuk meningkatkan rantaian nilai pertanian dan bio-industri di Kamunting, Perak.
- 5 Community Innovation Centre**
Inovasi sosial melalui penglibatan akademik, komuniti dan NCIA di Kubu Gajah, Lekir dan Grik, Perak.
- 6 EMM 1.0**
Penggunaan mekanisme inovatif dan aktiviti moden untuk meningkatkan hasil penanaman padi di Kerian, Perak.


PULAU PINANG

- 1 Penang Sentral (inisiatif Swasta)**
Terminal Pengangkutan Bersepadu dibangunkan berpandukan konsep pembangunan berorientasikan transit di Butterworth, Pulau Pinang.
- 2 EMM 1.0**
Penggunaan mekanisme inovatif dan aktiviti moden untuk meningkatkan hasil penanaman padi di Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.
- 3 Pusat Ujian dan Piawaian**
Projek kerjasama dengan penggiat industri tempatan untuk membangunkan hab kejuruteraan ujian di Bayan Lepas, Pulau Pinang.
- 4 Biotech Centre**
Pusat inkubasi untuk bio-industri yang terletak di Penang Science Park, Bukit Minyak.
- 5 Program-program Latihan & Kemahiran**
Pelbagai program latihan yang dirancang untuk memenuhi keperluan industri dan peningkatan kemahiran rakyat yang dijalankan di Bayan Lepas, Batu Kawan dan Perai.
- 6 Community Innovation Centre**
Berkonsepan inovasi sosial melalui penglibatan akademik, komuniti dan NCIA di Nibong Tebal, Pulau Pinang.

PERLIS

- 1 Superfruits Valley**
Salah satu ladang fig terbesar Asia Tenggara di Chuping, Perlis.
- 2 NCIA-ABM Masuk Kampung**
Pembaikan rumah usang golongan kurang bernasib baik serta kemudahan awam di Chuping, Padang Besar, Kangar dan Arau.
- 3 Projek-projek Pertanian**
Pelbagai projek pertanian di Hutan Ketiau dan Beseri, Perlis.
- 4 Program-program Latihan & Kemahiran**
Pelbagai program latihan yang dirancang untuk memenuhi keperluan industri dan peningkatan kemahiran rakyat yang dijalankan di Kangar dan Kuala Perlis, Perlis.
- 5 Community Innovation Centre**
Berkonsepan inovasi sosial melalui penglibatan akademik, komuniti dan NCIA di Beseri, Perlis.
- 6 SuriaKu**
Mewujudkan pendapatan tambahan sekitar RM400-RM600 melalui penajaan elektrik dengan pemasangan panel solar pada bahagian atas bumbung rumah untuk golongan B40 di Pauh dan Kuala Perlis.


PROJEK-PROJEK NCER YANG SEDANG DILAKSANAKAN DI NEGERI KEDAH



PROJEK/PROGRAM DALAM PELAKSANAAN

- 1 Bukit Kayu Hitam Special Border Economic Zone (SBEZ)**
Pembangunan bervariasi merangkumi kawasan perindustrian, pusat komersial dan hab logistik
- 2 Kedah Science & Technology Park (KSTP)**
KSTP adalah taman perindustrian baharu yang memfokuskan kepada kluster sains dan teknologi serta penubuhan pusat penyelidikan global
- 3 Kedah Rubber City (KRC)**
KRC ialah sebuah projek nasional untuk meningkatkan posisi kompetitif industri getah Malaysia di peringkat global

PROJEK-PROJEK NCER YANG SEDANG DILAKSANAKAN DI NEGERI PULAU PINANG



PETUNJUK

-  North-South Expressway (PLUS)
-  Landasan Keretapi

PROJEK/PROGRAM DALAM PELAKSANAAN

1 Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)

Inisiatif untuk meningkatkan potensi sektor E&E di Pulau Pinang dengan menubuhkan hab kejuruteraan ujian untuk menampung permintaan pasaran di Malaysia dan Asia Tenggara dalam rangkaian bekalan E&E


2 Inisiatif GaN-on-GaN

Pertumbuhan wafer berasaskan nanoteknologi baharu untuk industri LED & SSL.

3 Pusat Benih NCER (Inisiatif Swasta)

Pusat R&D Pembenuhan berkualiti tinggi dan kemudahan pembiakan tanaman untuk memenuhi pasaran global


PROJEK-PROJEK NCER YANG SEDANG DILAKSANAKAN DI NEGERI PERAK



PROJEK/PROGRAM DALAM PELAKSANAAN

- 1 Royal Belum Canopy Walk**
Untuk memudahkan pembangunan dan pengurusan BTTR dengan cara yang mampan untuk menjadi destinasi ekopelancongan pilihan dan Malaysia Mega Biodiversity Hub (MMBH) dalam NCER.
- 2 Inisiatif Pelancongan Di Bukit Larut**
Sebahagian daripada 66 inisiatif yang dikenal pasti di bawah Greater Kamunting Conurbation (GKC).
- 3 Pelan Pembangunan Komprehensif Wilayah Perak Selatan**
Inisiatif kerajaan persekutuaan untuk membangunkan hab pertanian dan pelancongan di Bagan Datuk, sains pemakanan dan taman perindustrian di Teluk Intan serta menyokong bandar automotif sedia ada di Tanjung Malim, Perak.
- 4 Pusat Benih Di Saik (Inisiatif Swasta)**
Pusat R&D Pembenihan berkualiti tinggi dan kemudahan pembiakan tanaman untuk memenuhi pasaran global.

PROJEK-PROJEK NCER YANG SEDANG DILAKSANAKAN DI NEGERI PERLIS



PROJEK/PROGRAM DALAM PELAKSANAAN

- 1 Chuping Valley Industrial Area (CVIA)**
Pembangunan taman perindustrian yang memberi tumpuan kepada teknologi hijau dan halal serta memainkan peranan penting dalam meningkatkan perdagangan rentas sempadan antara Malaysia dan Thailand.
- 2 Perlis Inland Port (PIP)**
Inisiatif swasta untuk menyokong peningkatan permintaan kargo kontena dari Thailand melintasi pusat pemeriksaan di Padang Besar.
- 3 Penaiktarafan Terminal Keretapi Kargo Padang Besar**
Peningkatan kecekapan perkhidmatan dan jumlah pengendalian kontena oleh KTMB di Terminal Keretapi Padang Besar.
- 4 Kangar Sentral**
Terminal pengangkutan awam baharu dengan potensi pembangunan berorientasikan transit pada masa akan datang.

LAPORAN KEMAJUAN

PROJEK-PROJEK DAN INISIATIF DI NCER

Tahun 2018 menyaksikan pelaksanaan projek-projek strategik dan berimpak tinggi yang dijangka menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi di keempat-empat negeri di bawah NCER. Pembangunan projek-projek strategik tersebut giat dijalankan dan bakal memberikan kesan limpahan ekonomi bagi NCER. Kesan limpahan dari projek-projek ini dirancang agar memberi faedah kepada kawasan persekitaran, melalui pembinaan infrastruktur dan pengwujudan peluang pekerjaan kepada masyarakat tempatan sekali gus merapatkan jurang di antara negeri-negeri di bawah NCER dan di Malaysia secara keseluruhannya.

NCIA telah menjalankan projek-projek menggunakan Model Engagement Baharu atau New Engagement Model (NEM) yang telah diluluskan semasa Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 26 Ogos 2011 bagi tujuan peningkatan pelaburan, pewujudan peluang perniagaan dan pekerjaan serta pembangunan sosioekonomi di NCER. Syarikat-syarikat peneraju swasta yang terpilih telah diberikan bantuan geran kewangan untuk melaksanakan projek-projek di dalam sektor pembuatan, pertanian, pelancongan dan logistik.

Namun, selepas beberapa tahun pelaksanaan, NCIA mendapati terdapat isu-isu seperti projek tidak berdaya maju serta kelemahan pelaksanaan oleh beberapa syarikat peneraju swasta yang diberikan geran, terutamanya di dalam bidang pertanian. Oleh sebab tersebut, pengurusan NCIA mengambil langkah untuk tidak meneruskan pelaksanaan NEM. Penambahbaikan proses dilakukan dan sebarang pelantikan atau pemilihan syarikat untuk projek-projek akan melalui proses perolehan kecuali ianya

adalah seratus peratus inisiatif swasta. Pengurusan NCIA juga telah mengadakan Project Closure Exercise bagi memastikan projek-projek yang telah lengkap ditutup, di samping mengenal pasti langkah-langkah perundangan yang sepatutnya ke atas syarikat peneraju yang tidak melaksanakan kewajipan kontrak projek.

Berbekalkan pengetahuan dan pengajaran ini, NCIA telah berusaha menjalankan usaha NCIA dalam menjalankan transformasi dan program-program pembangunan modal insan telah memastikan lebih banyak bilangan rakyat yang menerima manfaat, lantas meningkatkan daya saing di wilayah ini.


NCIA turut komited membina infrastruktur yang diperlukan yang merangkumi pengangkutan, tenaga dan komunikasi bagi memastikan pembangunan yang lestari. Infrastruktur yang disediakan mendorong pertumbuhan ekonomi untuk memberi akses, meningkatkan kecekapan serta produktiviti dan yang paling utama, memudahkan urusan perniagaan dan perdagangan.

CHUPING VALLEY INDUSTRIAL AREA (CVIA)

Projek Chuping Valley Industrial Area (CVIA) dijangka dapat meningkatkan usaha dalam industri halal di kawasan IMT-GT dengan membantu pelabur menembusi pasaran halal yang lebih luas di samping memfokus dalam bidang pengilangan hijau dan penjanaan tenaga hijau. Bagi projek ini, kerajaan persekutuan menyediakan infrastruktur asas dan tapak industri bagi menarik pelabur, termasuk sebuah *Integrated Business Centre (IBC)* yang menyediakan Pusat Sehenti termasuk tempat tinggal sementara dan ruang pejabat.



Projek CVIA dijangka mentransformasi Perlis menjadi negeri perindustrian



Pelabuhan darat meningkatkan sinergi aktiviti perdagangan

PERLIS INLAND PORT (PIP)

Perlis Inland Port (PIP) yang diusahakan oleh pemaju swasta dijangka siap pada pertengahan tahun 2022. Pembangunan PIP menyaksikan *bonded road* dari sempadan Thailand ke Chuping sepanjang 3.7km dinaik taraf dan sempadannya dikenal pasti oleh badan-badan keselamatan seperti Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kastam, Imigresen, Pasukan Gerak Am Polis Diraja Malaysia dan Agensi Keselamatan Sempadan (AKSEM).

KEDAH SCIENCE AND TECHNOLOGY PARK (KSTP)

Projek *Kedah Science and Technology Park* yang terletak di kawasan seluas 1,933 ekar, menggabungkan sebuah taman perindustrian moden dan pusat penyelidikan global; bakal menjadi pengubah strategi di dalam usaha kerajaan menyediakan kemudahan kepada penduduk di empat negeri di bawah naungan NCIA. Dengan meningkatnya minat melabur di KSTP, pelantikan kontraktor bagi kerja-kerja pembinaan di KSTP sedang diusahakan bertujuan melancarkan sinergi KSTP dan Bukit Kayu Hitam-SBEZ.



Meningkatkan kecekapan menguruskan kontena dan pelepasan barangan di sempadan

PROJEK MENAIK TARAF TERMINAL KARGO KERETAPI PADANG BESAR

Turut mendapat perhatian ialah projek menaik taraf terminal kargo keretapi Padang Besar yang dijangka mampu mengendalikan sebanyak 150,000 *Twenty-Foot Equivalent Units* (TEU) setahun daripada 120,000 TEU setiap tahun. Selain itu, projek menaik taraf ini dapat mengurangkan kesesakan di kawasan sempadan Malaysia-Thailand. Padang Besar merupakan pintu masuk utama barangan eksport Thailand dan menyumbang lebih kurang 40 peratus dari jumlah penghantaran eksport Pelabuhan Pulau Pinang. Projek menaik taraf ini merupakan *game changer* bagi negeri-negeri di utara serta menaikkan tahap kecekapan menguruskan kontena dan pelepasan barangan di sempadan.



KRC dijangka meningkatkan posisi kompetitif industri getah Malaysia

KEDAH RUBBER CITY (KRC)

Kedah Rubber City (KRC) merupakan sebuah projek nasional yang dijangka meningkatkan posisi kompetitif industri getah Malaysia di peringkat global serta dapat memberikan manfaat ekonomi kepada kawasan berhampiran. KRC sedang dibangunkan di Kedah untuk merangsang pembangunan sosioekonomi di kawasan sempadan bersama Malaysia - Thailand. Proses pengambilan-balik tanah oleh pihak Kerajaan Negeri Kedah untuk projek ini telah selesai. Kini, kerja-kerja awalan bagi penyediaan infrastruktur asas sedang diusahakan. Kerjasama serantau bagi pembangunan industri getah turut menjadi fokus dalam sidang mesyuarat IMT-GT yang telah membincangkan potensi kerjasama perniagaan yang boleh diwujudkan melalui KRC, *Thai Rubber City* dan Koridor Getah Indonesia.

MODEL PENGURUSAN ESTET (EMM)

Model Pengurusan Estet atau *Estate Management Model* (EMM) yang diperkenalkan pada tahun 2017 untuk industri padi telah membuahkan kejayaan yang memberangsangkan dengan lebih 2,000 petani menikmati hasil lumayan. Dengan menggunakan teknologi terkini dan beroperasi secara berkelompok, para petani yang terlibat telah berjaya memperoleh hasil dua kali ganda berbanding hasil yang diperolehi ketika sawah dikerjakan secara persendirian.

Sebelum program EMM diperkenalkan, para petani memperoleh pendapatan purata RM580 per hektar setiap bulan. Dengan EMM, mereka boleh mendapat sehingga RM1,233 per hektar setiap bulan, sekali gus memacu industri padi ke tahap yang lebih tinggi.



Pemindahan teknologi dan Amalan Pertanian Baik membantu para petani mencapai kualiti tanaman yang memenuhi piawaian global



Mesin Plastering

Berkonsepan perkongsian strategik bersama pihak berkepentingan, NCIA telah berkolaborasi bersama agensi berkaitan seperti Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK), Pertubuhan Peladang Negeri (PPN), Jabatan Pertanian (DoA), Jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) serta agensi Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA).

Antara perkara utama yang dilaksanakan dalam program EMM ini ialah pemulihan semula infrastruktur asas di sawah seperti penambahbaikan struktur tanah menggunakan jentera moden dan penggunaan bahan-bahan organik untuk meningkatkan kesuburan tanah. Infrastruktur lain yang dipulihkan adalah sistem saliran dan perparitan bagi memastikan bekalan air yang stabil dan mencukupi agar pengeluaran padi adalah pada peringkat optimum. Batas sawah juga diperkukuhkan semula dengan menggunakan teknologi pemampat batas (*bund compactor*) yang moden.

Teknologi terkini dalam industri pertanian turut digunakan seperti *drone* bertujuan untuk pemetaan secara tepat sebelum pemulihan petak sawah dilakukan. Data yang diperolehi melalui pemetaan oleh *drone* dapat memastikan keperluan sebenar baja bagi setiap individu petak sawah dilakukan dalam program EMM ini. Selain tujuan pemetaan, *drone* juga digunakan untuk penyebaran baja dan racun dengan efisien. Hal ini bertepatan dengan saranan kerajaan yang menggalakkan penggunaan *precision farming*.

Para petani turut didedahkan kepada latihan dan prosedur operasi standard (SOP) sebagai rujukan kepada mereka. Selain daripada itu program EMM turut menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan yang dikenali sebagai "Briged Kerja".

Bagi memastikan hasil yang optimum, benih yang mempunyai ciri-ciri tahan penyakit, tahan cuaca dan mempunyai nilai tinggi digunakan dalam program EMM. Sehingga kini, seramai 1,067 petani di Seberang Perai Utara telah mengambil bahagian dalam program EMM, manakala di Asun terdapat 137 petani, 250 petani di Kuala Muda Selatan dan 150 petani Kerpan. Di Kerian pula, EMM sedang dijalankan dengan penyertaan seramai 888 orang petani.



Projek GaN on GaN telah mewujudkan keupayaan epitaksi bagi industri LED di Malaysia

COLLABORATIVE RESEARCH IN ENGINEERING, SCIENCE AND TECHNOLOGY (CREST)

Keberkesanan Pusat Penyelidikan Bersama bagi Kejuruteraan, Sains dan Teknologi atau *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST)* yang dilancarkan pada tahun 2012 menampakkan kejayaan yang ketara pada tahun 2018.

CREST yang menyaksikan kerjasama erat antara industri, pihak akademik dan kerajaan merupakan pemangkin yang memberi lonjakan kepada pertumbuhan ekonomi negara terutama dalam industri elektrik dan elektronik (E&E).

Kejayaan paling ketara ialah dengan terciptanya *Stethee*, stetoskop yang dilengkapi teknologi kepintaran buatan (A.I) yang pertama di dunia untuk mengesan denyutan jantung dan paru-paru dengan lebih tepat dan secara terperinci. *Stethee* berupaya membuat analisis terhadap kedua-dua organ tersebut, dan membina data biometrik peribadi setiap pesakit.

Turut mendapat manfaat dari penubuhan CREST ialah industri LED (*Light Emitting Diode*) yang dijangka

meletakkan Malaysia di antara tiga *solution providers* terunggul di dunia menjelang 2020.

Malaysia telah menjadi pusat pertumbuhan epitaksi sejak 2015 ekoran kejayaan dan potensi projek *Gallium Nitride on Gallium Nitride (GaN on GaN)*. Objektif projek ini ialah untuk mewujudkan keupayaan epitaksi bagi industri *Solid State Lighting (SSL)* dan LED di Malaysia. Ini diikuti dengan penubuhan kilang epitaksi oleh *Osram Opto Semiconductors* di Kulim, Kedah pada tahun 2016. Inisiatif awal usaha ini berfokus pada proses epitaksi iaitu pertumbuhan hablur GaN pada permukaan substrat GaN. Produk epitaksi ini seterusnya melalui proses fabrikasi diikuti dengan proses pengkapsulan. Projek yang melibatkan usaha sama universiti-universiti tempatan, (USM, UNIMAP, UM dan Monash Universiti) telah berjaya melahirkan seramai 50 pakar dalam teknologi GaN on GaN, sekaligus meningkatkan kepakaran di dalam bidang epitaksi.

Sehingga kini, sekurang-kurangnya 20 *Intellectual Property (IP)* diperolehi bagi membolehkan produk dikomersilkan dalam masa lima (5) tahun serta menjadikan syarikat-syarikat tempatan terkehadapan dari segi kepakaran dan bakat.



Penerangan tentang peralatan IR4.0 kepada DUTM Raja Muda Kedah, Tengku Sarafudin Badlishah Sultan Sallehuddin semasa pelancaran kampus kedua KISMEC



Latihan Pemasangan Solar



Latihan Robotik & Automasi

PROGRAM PENDIDIKAN TEKNIKAL DAN LATIHAN VOKASIONAL MALAYSIA @ KULIM HI-TECH PARK (KHTP)

Program Pendidikan Teknikal Dan Latihan Vokasional Malaysia atau *Technical Vocational Education and Training* di Kulim Hi-Tech Park (TVET@KHTP) merupakan salah satu inisiatif ke arah evolusi daripada penglibatan langsung secara quick win bersama industri ke arah tenaga kerja yang sedia-industri. Melalui Program TVET@KHTP, NCIA berperanan sebagai pemudahcara untuk menampung pembangunan tenaga kerja mahir yang sedia-industri bagi memenuhi keperluan sektor Elektrik & Elektronik (E&E) dan Mesin & Peralatan (M&E).

Program rintis *Technical Vocational Education & Training* (TVET) ini melibatkan institusi latihan kemahiran awam dan industri-industri di KHTP. Program ini bertujuan untuk memenuhi keperluan industri dan perkembangan Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) yang merangkumi keseluruhan rantai nilai pembelajaran dan latihan termasuk penambahbaikan kurikulum. Program ini juga merupakan platform peningkatan kemahiran (*upskilling centre*) bagi pelatih daripada institut kemahiran yang lain.

NCIA melaksanakan program TVET ini bersama Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah Darul Aman (KISMEC), sebuah Pusat Kecemerlangan TVET. Program ini dijalankan dalam dua (2) fasa yang mana bagi fasa pertama, seramai 202 orang peserta telah terlibat dalam tujuh (7) kursus TVET yang telah dikenal pasti mengikut keperluan industri di KHTP. Selain itu, pengambilan peserta dan penambahbaikan kurikulum berdasarkan keperluan industri telah melibatkan sebanyak sembilan (9) Politeknik, sembilan (9) Kolej Kemahiran, sembilan (9) Kolej Vokasional, enam (6) Universiti dan tiga (3) Institusi Jabatan Tenaga Manusia. Kolaborasi yang mampan telah diwujudkan di antara institusi latihan tempatan dan industri melalui program TVET ini.

Fasa 1 telah pun tamat dengan jayanya yang mana sebanyak 88% daripada jumlah peserta telah mendapat pekerjaan tetap di 54 buah syarikat di NCER dengan purata gaji sebanyak RM1,700. Fasa 2 pula TVET@KHTP berfokus pada latihan serta aplikasi berasaskan IR 4.0 yang melibatkan institusi latihan dan industri serta penggiat industri untuk memantaskan penerapan IR 4.0 di NCER. Bagi fasa kedua ini, seramai 100 orang pelajar sedang menjalani latihan dan mengaplikasikan peralatan berasaskan IR 4.0 seperti *Precision Machining Design Tool & Application* dan *Automation Equipment Smart Machine*.



Produk ikan keli kering mendapat sambutan hangat di Jeddah

PUSAT INOVASI KOMUNITI

Program Pusat Inovasi Komuniti atau *Community Innovation Centre* (CIC) merupakan inisiatif kerajaan melalui kerjasama NCIA dan Universiti Sains Malaysia (USM) berkonsepkan ekonomi komuniti.

CIC secara langsung membangunkan ekonomi berasaskan pemindahan pengetahuan (*knowledge transfer*) yang mampu melonjakkan ekonomi desa secara mampan dan berdaya saing. Dalam usaha menaikkan taraf hidup golongan B40, NCIA telah bekerjasama dengan USM untuk memajukan perusahaan kecil, terutamanya dalam sektor madu kelulut, perusahaan ikan keli, perusahaan roselle dan sektor pelancongan. Inisiatif ini berjaya mengeluarkan golongan B40 dari kepompong kemiskinan, serta menghasilkan limpahan ekonomi dan memanfaatkan penduduk-penduduk kampung yang turut membantu memasarkan produk-produk yang dihasilkan.

Lapan (8) CIC yang terlibat sudah menampakkan peningkatan dalam pengeluaran dan jualan pada tahun 2018, sekali gus membuka peluang pekerjaan dan keusahawanan kepada penduduk tempatan di Sik, Jerlun, dan Pedu di Kedah; Nibong Tebal di Pulau Pinang; Kubu Gajah dan Lekir di Perak; dan Beseri di Perlis. Usaha yang bermula

pada tahun 2014 ini telah memperkasa golongan usahawan sehingga produk yang dihasilkan telah berjaya dipasarkan di tempat-tempat eksklusif, malah mencecah pasaran dunia. NCIA berusaha meningkatkan kualiti barangan dan sentiasa memantau projek yang dijalankan agar kebersihan produk terjamin dan piawaian dapat dipertingkatkan.

Produk ikan keli dan madu kelulut yang dihasilkan oleh penduduk kampung asalnya hanya terdapat di pasar-pasar malam. Kini produk ikan keli kering mendapat sambutan hangat di Jeddah selain dijual menerusi atas talian (online) oleh pengusaha sendiri. Madu kelulut yang mendapat penjenamaan dengan pembungkusan yang menarik kini dipasarkan di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) dan mendapat perhatian warga dunia yang mengunjungi KLIA. Penyediaan tempat pengeringan yang sesuai bagi tujuan pemprosesan ikan keli telah membolehkan suhu bilik diubah melalui aplikasi pintar yang dibangunkan oleh pelajar-pelajar universiti sendiri. Kini, produk ikan keli dijamin bersih dan halal dari segi pemprosesan dan makanan dan membuka peluang kepada penduduk setempat untuk berkecimpung dalam bidang yang sama.

Lokasi penjualan yang strategik dan kemahiran teknologi pula telah membolehkan produk madu kelulut dihasilkan dalam suasana yang bersih dan kondusif serta menarik perhatian pelancong luar negara. Setiap ladang madu kelulut kini berjaya menghasilkan madu bernilai RM12,000 setiap pusingan untuk satu bulan setengah. Selain usaha memindahkan teknologi kepada komuniti, NCIA dan USM juga memantau setiap projek dengan teliti agar semua aktiviti berkaitan berjalan lancar serta mengikut tatacara pengendalian piawai (SOP).

Projek Pengupayaan Orang Kurang Upaya (OKU) melalui pembangunan kapasiti telah memberi peluang kepada pengusaha dalam pelbagai bidang seperti Jeli Kelapa, Minyak Kelapa Dara dan Puyuh. CIC memperkenalkan elemen inovasi untuk meningkatkan jangka hayat produk bagi memenuhi keperluan pasaran dan menembusi pasaran sedia ada. Selain itu, pembungkusan produk dinaik taraf serta penjenamaan dilaksanakan sebagai strategi pemasaran untuk meningkatkan nilai produk menjadikan ia lebih berkualiti.

Projek Penghasilan Produk Hiliran Berasaskan Roselle telah memperkukuhkan rantai model perniagaan melalui penghasilan baja kompos untuk mengurangkan kebergantungan kepada baja kimia melalui kaedah penguraian sisa. Inisiatif projek ini telah menghasilkan



Pemungutan madu kelulut oleh peserta program



produk-produk hiliran seperti Pastille Roselle, Teh Bunga Roselle dan Teh Daun Roselle yang membantu meningkatkan pendapatan serta dapat memberi pendapatan sampingan kepada komuniti.

Elemen inovasi yang diperkenalkan oleh CIC telah menyumbang kepada peningkatan produktiviti perusahaan peserta serta menjamin kelestarian aktiviti-aktiviti ekonomi dengan menaikkan rantai nilai, sekali gus melonjakkan mereka menjadi usahawan. Secara langsung hal ini memberi impak limpahan ekonomi dengan mewujudkan lebih pekerjaan dan menambah peluang bagi aktiviti-aktiviti ekonomi tambahan kepada rakyat setempat.



Produk Madu Kelulut di pasaran



CIC memudahkan pertukaran kepakaran, pembelajaran, dan kemahiran bagi melonjakkan ekonomi desa secara mampan



Produk Jeli kelapa di CIC Lekir

WARGA KERJA NCER



Setiap warga NCIA telah menghayati dan menerima perubahan dalam usaha memantapkan sahsiah diri, lantas memajukan organisasi.

Dengan merangkul dan menjiwai nilai-nilai teras i-STAR - *Integrity & Professionalism* (Integriti & Professionalisme), *Speed* (Pantas), *Teamwork* (Kerjasama), *Accountability* (Kebertanggungjawaban) dan *Mutual Respect* (Saling Menghormati), warga NCIA telah menonjolkan dedikasi dan komitmen mereka terhadap budaya kerja organisasi yang dinamik ini.

Hasil transformasi yang tertumpu dan terancang tersebut telah melahirkan minda yang inovatif serta pelbagai idea yang kreatif dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab terhadap organisasi, keluarga, komuniti dan negara. Untuk menampakkan anjakan yang lebih ketara dalam sikap dan kualiti dalam cara bekerja, transformasi perlu dilaksanakan secara menyeluruh dan berlanjutan.



SESI TOWN HALL SEPANJANG TAHUN 2018





PENYERTAAN DALAM AKTIVITI-AKTIVITI LIBAT URUS LUARAN & DALAM



DI SEKITAR PEJABAT NCIA



PENYATA KEWANGAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 3 hingga 27.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawai pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687).

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.


(ZAKRI BIN MAMAT)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA



PUTRAJAYA
6 DISEMBER 2019

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

PENYATA
PENGERUSI DAN SEORANG AHLI MAJLIS
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **YANG AMAT BERHORMAT TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD** dan **YANG BERBAHAGIA TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Majlis **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Ahli Majlis, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mematuhi Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia ("MPERS") untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA** pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Ahli Majlis,


.....
TUN DR. MAHATHIR MOHAMAD
Pengerusi Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara


.....
TAN SRI AHMAD BADRI MOHD ZAHIR
Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara

Tarikh : 12 NOV 2019
Tempat : Kuala Lumpur

PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

(Ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687))

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

Kami, **DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE A/L JOHN RAJAMONEY** dan **MOHAMAD HARIS BIN KADER SULTAN**, pegawai-pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan kami, adalah betul dan kami membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama-penama di atas di Kuala Lumpur pada



**DATUK SERI JEBASINGAM ISSACE
A/L JOHN RAJAMONEY**



**MOHAMAD HARIS BIN KADER
SULTAN**

Di hadapan saya:



**No. 48-2, Jalan Manis Satu,
Taman Segar,
56100 Cheras, Kuala Lumpur.**

15 NOV 2019

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Pada 31 Disember 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
Aset Bukan Semasa :			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	33,170,991	702,967
Hartanah Pelaburan	5	22,735,000	51,620,000
Penghutang Jangka Panjang	6	-	-
Jumlah Aset Bukan Semasa		55,905,991	52,322,967
Aset Semasa :			
Penghutang Jangka Pendek	6	-	-
Pelbagai Penghutang, Deposit dan Prabayar	7	2,371,235	3,439,937
Deposit Tetap Dengan Institusi Kewangan	8	139,035,490	221,593,287
Tunai dan Baki Bank		2,075,044	5,024,077
Jumlah Aset Bukan Semasa		1,43,481,769	230,057,301
JUMLAH ASET		199,387,760	282,380,268
Ekuiti :			
Kumpulan Wang Mengurus	9	11,294,582	9,744,092
Jumlah Ekuiti		11,294,582	9,744,092
Liabiliti Bukan Semasa :			
Kumpulan Wang Pembangunan	10	141,515,267	207,431,139
Dana PEMANDU	11	3,999,982	3,999,982
Dana Khas - UPE	12	36,006,595	43,873,014
Dana Khas - TERAJU	13	2,923,385	10,594,881
Jumlah Aset Bukan Semasa		184,445,229	265,899,016
Liabiliti Semasa :			
Pelbagai Pemiutang Dan Akruan	14	3,647,949	6,737,160
Jumlah Liabiliti Semasa		3,647,949	6,737,160
JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI		199,387,760	282,380,268

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA PENDAPATAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
PENDAPATAN			
Pemberian Kerajaan Persekutuan	9	24,949,700	24,949,700
Geran Pembangunan Dilunaskan	10	89,526,026	202,078,779
Dana PEMANDU Dilunaskan	11	-	-
Dana Khas - UPE Dilunaskan	12	7,866,419	7,525,162
Dana Khas - TERAJU Dilunaskan	13	7,671,496	12,856,268
Pendapatan Faedah	9	7,396,506	11,810,036
Pendapatan Lain	9	1,465,295	1,450,039
		138,875,442	260,669,984
PERBELANJAAN			
Perbelanjaan Operasi	9/15	32,261,011	47,547,058
Geran Pembangunan Dilunaskan	10	89,526,026	202,078,779
Dana PEMANDU	11	-	-
Dana Khas - UPE	12	7,866,419	7,525,162
Dana Khas - TERAJU	13	7,671,496	12,856,268
		137,324,952	270,007,267
		1,550,490	(9,337,283)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	Kumpulan Wang Mengurus RM
Baki pada 1 Januari 2017	19,081,375
Defisit bagi tahun semasa	(9,337,283)
Baki pada 31 Disember 2017	9,744,092
Lebihan bagi tahun semasa	1,550,490
Baki pada 31 Disember 2018	11,294,582

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

PENYATA ALIRAN TUNAI

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

	NOTA	2018 RM	2017 RM
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Operasi			
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai		1,550,490	(9,337,283)
Pelarasan untuk: -			
Elaun hutang ragu		683,596	20,518,443
Elaun hutang ragu tidak lagi diperlukan		(153,661)	-
Keuntungan atas perubahan nilai saksama hartanah perlaburan		(1,115,000)	(1,600,000)
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	4	390,429	347,558
Pendapatan faedah		(7,396,506)	(11,810,036)
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan		101	-
Pendapatan faedah aset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi		(1,485,154)	(1,919,365)
Perbelanjaan faedah liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi		817,304	15,491
Geran Dana Pembangunan dilunaskan		(88,040,872)	(200,159,414)
Geran Dana Khas - UPE dilunaskan		(7,866,419)	(7,525,162)
Geran Dana Khas - TERAJU dilunaskan		(7,671,496)	(12,856,268)
Defisit sebelum perubahan dalam modal kerja		(110,287,188)	(224,326,036)
Penghutang		1,191,420	(43,037)
Pemiutang		(3,089,211)	(8,066,866)
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		(112,184,979)	(232,435,939)
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pelaburan			
Tambahan hartanah, loji dan peralatan	4	(2,858,554)	(316,425)
Faedah Diterima		7,411,703	12,177,747
Tunai bersih daripada aktiviti pelaburan		4,553,149	11,861,322
Aliran Tunai Daripada Aktiviti Pembiayaan			
Pemberian Kerajaan Persekutuan - Geran Pembangunan		22,125,000	32,850,000
Pemberian Kerajaan Persekutuan - Geran Dana Khas - UPE		-	2,000,000
Tunai bersih daripada aktiviti pembiayaan		22,125,000	34,850,000
Penambahan/ (Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai			
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		(85,506,830)	(185,724,617)
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		226,517,364	412,241,981
Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		141,010,534	226,517,364
Terdiri daripada: -			
Deposit Tetap Dengan Institusi Kewangan		139,035,490	221,593,287
Tunai dan Baki Bank		2,075,044	5,024,077
		141,110,534	226,617,364
Deposit tetap yang dicagarkan kepada bank berlesen	8	(100,000)	(100,000)
		141,010,534	226,517,364

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

NOTA - NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

1. MAKLUMAT UMUM

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (“NCIA”) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) yang diwartakan di Parlimen Malaysia pada 13 Jun 2008. Aktiviti utama NCIA adalah untuk bertindak sebagai satu badan berkanun kerajaan persekutuan yang diberi kuasa untuk mencapai objektif berikut:-

- (a) untuk menggalakkan dan mempercepat pembangunan Wilayah Ekonomi Koridor Utara supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; dan
- (b) untuk memastikan bahawa pembangunan sosial dan pembangunan mapan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam Wilayah Ekonomi Koridor Utara.

Bilangan pekerja NCIA pada akhir tahun adalah seramai 166 orang (2017 : 175 orang).

Ibu pejabat NCIA berada di No. 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak, 14100 Simpang Ampat, 14100 Pulau Pinang, Malaysia. NCIA juga mempunyai pejabat operasi di Bayan Lepas, Cyberjaya, Alor Setar, Ipoh dan Kangar.

Penyata Kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2018 telah diluluskan oleh Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara melalui mesyuarat Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada tarikh 12 November 2019.

2. ASAS PENYEDIAAN

(a) Pernyataan Pematuhan

Penyata kewangan NCIA disediakan mematuhi MPERS, Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 serta “Pekeliling Perbendaharaan Malaysia (PA 3.1/2013) Garis Panduan Untuk Penyediaan Dan Pembentangan Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Badan Berkanun Persekutuan” melainkan seperti yang telah dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan.

(b) Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan berasaskan kos sejarah melainkan seperti yang telah dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan.

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

(c) Penggunaan Anggaran Dan Pertimbangan

Anggaran, andaian tentang masa depan dan pertimbangan telah dibuat dalam penyediaan penyata kewangan ini. Perkara ini mempengaruhi penggunaan polisi perakaunan NCIA dan amaun aset, liabiliti, pendapatan dan belanja yang dilaporkan serta pendedahan yang dibuat. Anggaran dan andaian dinilai secara berterusan berdasarkan pengalaman dan faktor berkaitan, termasuk jangkaan peristiwa akan datang yang dipercayai munasabah. Keputusan sebenar mungkin berbeza daripada pertimbangan, anggaran dan andaian yang dibuat dan jarang sama dengan keputusan yang dianggarkan.

i. Ketidakpastian anggaran

Maklumat tentang anggaran dan andaian yang memberi kesan penting ke atas pengiktirafan dan pengukuran aset, liabiliti, pendapatan dan belanja dibincangkan di bawah.

- Hayat berguna bagi aset boleh disusut nilai

Pihak pengurusan menganggarkan hayat berguna hartanah, loji dan peralatan dalam lingkungan 3 hingga 5 tahun dan menyemak semula hayat berguna bagi aset boleh disusut nilai pada akhir setiap tempoh pelaporan. Pada 31 Disember 2018, pihak pengurusan menilai bahawa hayat berguna mewakili utiliti aset yang dijangka kepada NCIA. Walau bagaimanapun, keputusan sebenar mungkin berbeza disebabkan oleh perubahan dalam tahap penggunaan dan perkembangan teknologi, yang menyebabkan pelarasan kepada aset NCIA.

Nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan NCIA pada akhir tempoh pelaporan didedahkan dalam Nota 4 kepada penyata kewangan.

- Penjejasan nilai penghutang

NCIA membuat penjejasan nilai penghutang berdasarkan penilaian terhadap jangkaan boleh terima. Penjejasan dilakukan kepada penghutang apabila terdapat peristiwa atau perubahan keadaan yang menunjukkan bahawa nilai dibawa mungkin tidak boleh dikutip. Pihak pengurusan menganalisis secara khusus hutang lapuk, kebolehpercayaan kredit penghutang, keadaan ekonomi semasa dan perubahan dalam syarat pembayaran oleh penghutang ketika membuat pertimbangan untuk menilai kecukupan penjejasan penghutang. Apabila jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan itu akan memberi impak kepada nilai dibawa penghutang.

ii. Pertimbangan yang penting

Berikut merupakan pertimbangan yang dilakukan oleh pihak pengurusan dalam proses mengaplikasikan polisi perakaunan NCIA yang mempunyai kesan penting ke atas amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

- Klasifikasi hartanah pelaburan

Terdapat hartanah yang sebahagiannya dimiliki untuk menjana pendapatan sewa atau kenaikan moda atau kedua-duanya manakala sebahagian lagi untuk kegunaan dalam pengeluaran atau pembekalan barangan dan perkhidmatan atau untuk kegunaan pentadbiran. Sekiranya sebahagian yang dimiliki untuk sewaan dan/ atau kenaikan modal boleh dijual secara berasingan (atau dipajak berasingan sebagai pembiayaan pajakan), NCIA mengakaunkan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Sekiranya ia tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, ia diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan sekiranya hanya sebahagian kecil digunakan untuk pengeluaran atau pembekalan barangan dan perkhidmatan atau kegunaan pentadbiran. Pihak pengurusan menggunakan pertimbangan untuk menentukan sebarang perkhidmatan sampingan sama ada dianggap penting sehingga suatu hartanah tidak layak diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

3. POLISI-POLISI PERAKAUNAN YANG PENTING

Polisi-polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai oleh NCIA di mana ianya konsisten dengan piawaian perakaunan yang dipatuhi dalam tahun terdahulu, melainkan seperti yang telah dinyatakan.

(a) Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk perbelanjaan yang terlibat secara langsung dengan pemerolehan aset dan sebarang kos lain untuk membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki, serta sebarang kos menanggal dan memindahkan item dan membaikpulih tapak di mana aset tersebut terletak. Kos aset yang dibina sendiri termasuk kos bahan dan buruh yang terlibat secara langsung.

Apabila bahagian-bahagian penting item hartanah, loji dan peralatan mempunyai hayat berguna yang berlainan, ia diambil kira sebagai item berasingan (komponen utama) hartanah, loji dan peralatan, dan komponen itu disusut nilai berasingan.

Susut nilai diiktiraf dalam untung atau rugi berasaskan kaedah garis lurus ke atas hayat berguna setiap komponen dari tarikh ianya tersedia untuk diguna.

Pajak tanah dilunaskan pada asas garis lurus berdasarkan tempoh pajak tanah selama 60 tahun. Manakala bagi komponen-komponen lain, kadar susut nilai yang digunakan adalah seperti berikut:

Bangunan	2%
Perabot dan peralatan pejabat	20%
Kenderaan	25%
Komputer dan peralatan berkaitan komputer	33.33%

Sekiranya terdapat petunjuk perubahan ketara secara berpola sejak laporan tahunan yang lalu dimana NCIA dijangka untuk mengambil manfaat ekonomi terhadap aset pada masa hadapan, NCIA akan mengkaji semula kaedah susut nilai yang digunakan kini dan, jika jangkaan semasa berbeza, NCIA akan meminda nilai baki, kaedah susut nilai atau hayat berguna untuk menggambarkan pola baharu.

Keuntungan atau kerugian selepas pelupusan item hartanah, loji dan peralatan ditentukan dengan membandingkan hasil daripada pelupusan dengan nilai dibawa hartanah, loji dan peralatan dan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

(b) Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan ialah hartanah (tanah atau bangunan, atau sebahagian daripada bangunan, atau kedua-dua tanah dan bangunan, termasuk hartanah pelaburan bina sendiri) yang dimiliki untuk memperoleh sewa atau untuk kenaikan modal atau untuk kedua-duanya dan tidak digunakan untuk pengeluaran atau pembekalan barang dan perkhidmatan atau untuk tujuan pentadbiran, atau jualan dalam perjalanan biasa perniagaan.

Kos hartanah pelaburan terdiri daripada harga beliannya campur semua kos langsung yang ditanggung untuk membawa hartanah ke lokasi dan keadaannya dengan tujuan untuk digunakan sebagai hartanah pelaburan. Kos hartanah pelaburan bina sendiri terdiri daripada semua kos pembinaan langsung dan tidak langsung tetapi tidak termasuk untung dalaman. Selepas pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan pada nilai saksama, jika nilai saksama boleh diukur dengan pasti tanpa kos atau usaha yang tidak wajar.

Keuntungan atau kerugian kerana perubahan dalam nilai saksama hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ianya dikenalpasti.

Semua hartanah pelaburan lain dinyatakan pada kos, tolak susut nilai terkumpul dan penjejasan nilai terkumpul menurut Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan dalam MPERS.

Jika NCIA menetapkan nilai saksama hartanah pelaburan tidak boleh ditentukan atau didapati tanpa kos atau usaha yang tidak wajar untuk item hartanah pelaburan yang diukur menggunakan kaedah nilai saksama, hartanah pelaburan itu harus diakaunkan menurut Seksyen 17 Hartanah, Loji dan Peralatan sehingga terdapat kaedah pengukuran nilai saksama yang boleh diguna pakai. Keuntungan atau kerugian kerana perubahan ini, jika ada, diiktiraf dalam untung atau rugi pada waktu tempoh perubahan.

(c) Penjejasan Nilai Aset Bukan Kewangan

Penjejasan nilai terjadi apabila nilai dibawa aset melebihi nilai yang boleh diperolehi semula. Pada setiap tahun, NCIA menyemak sekiranya terdapat sebarang petunjuk daripada maklumat luaran atau dalaman bahawa aset atau unit penjana tunai mungkin terjejas. Jika ada sebarang petunjuk, NCIA akan menganggarkan nilai aset atau unit penjana tunai yang boleh diperolehi semula.

Jika suatu aset menjana aliran masuk tunai sendiri, aset itu akan diuji untuk penjejasan nilai sebagai berasingan. Jika aset tidak menjana aliran masuk tunai sendiri, aset itu diuji untuk penjejasan nilai bersama dengan aset lain dalam unit penjana tunai, pada tahap terendah dimana aliran masuk tunai dijana dan dikawal untuk tujuan pengurusan dalaman.

Nilai aset atau unit penjana tunai yang boleh diperolehi semula ialah nilai saksamanya yang paling tinggi tolak kos penjualan aset dan nilai semasanya. NCIA menentukan nilai saksama tolak kos penjualan aset atau unit penjana tunai dalam hierarki berdasarkan: (i) harga jualan dalam perjanjian; (ii) harga pasaran dipasaran terbuka; dan (iii) anggaran harga pasaran menggunakan maklumat terbaik yang diperolehi. Nilai semasa dianggarkan dengan mendiskaunkan aliran masuk tunai bersih (dengan kadar diskaun bersesuaian) aset atau unit, menggunakan belanjawan dan ramalan lima tahun oleh pihak pengurusan yang boleh disokong dan ekstrapolasi aliran masuk tunai untuk tempoh melampaui ramalan atau belanjawan lima tahun itu.

Bagi aset yang diukur mengikut model Kos asas, sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagi unit penjana tunai, sebarang kerugian penjejasan nilai akan diperuntukkan terlebih dahulu untuk mengurangkan nilai dibawa yang diperuntukkan kepada unit, jika ada, dan baki kerugian penjejasan nilai selepas itu diperuntukkan kepada aset lain dalam unit secara pro rata berdasarkan nilai dibawa relatif aset.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

Sebarang pembalikan kerugian penjejasan nilai aset dibawa pada model asas kos diiktiraf dalam untung atau rugi, tertakluk kepada had di mana nilai dibawa yang disemak semula tidak melebihi nilai yang akan ditentukan tidak mempunyai kerugian penjejasan nilai diiktiraf sebelum ini.

(d) Instrumen Kewangan

(i) Pengiktirafan awal dan pengukuran

NCIA mengiktiraf aset kewangan atau liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangan apabila, dan hanya apabila, entiti dalam NCIA menjadi satu pihak kepada peruntukan berkontrak instrumen itu.

Pada pengiktirafan awal, semua aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama yang secara amnya ialah harga urus niaga, campur kos urus niaga jika aset kewangan atau liabiliti kewangan itu tidak diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Bagi instrumen yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi, kos urus niaga menjadi perbelanjaan pada untung atau rugi apabila berlaku. Bagi pendahuluan dan persetujuan berkontrak lain yang merupakan urus niaga kewangan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai semasa didiskaunkan pada kadar faedah semasa dipasaran untuk instrumen hutang yang serupa.

(ii) Pengukuran selepas pengiktirafan aset kewangan

Untuk tujuan pengukuran selepas pengiktirafan, NCIA mengklasifikasikan aset kewangan kepada 2 kategori iaitu: (i) aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi; dan (ii) aset kewangan pada kos dilunaskan.

Selepas pengiktirafan awal, NCIA mengukur semua aset kewangan pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Semua aset kewangan lain tertakluk pada penilaian semula penjejasan nilai menurut Nota (vi) di bawah.

(iii) Pengukuran selepas pengiktirafan aset kewangan

Selepas pengiktirafan awal, NCIA mengukur semua liabiliti kewangan pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

(iv) Penyahiktirafan instrumen kewangan

Bagi tujuan penyahiktirafan, NCIA menentukan sama ada aset kewangan atau liabiliti kewangan perlu dinyahiktiraf keseluruhannya atau bahagian demi bahagian atau daripada satu kumpulan item yang sama.

Aset kewangan, sama ada sebagai satu item atau sebahagiannya, dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan tamat, atau apabila NCIA memindahkan hak kontrak untuk menerima aliran tunai daripada aset kewangan itu, termasuk dalam keadaan apabila NCIA bertindak hanya sebagai agen memungut bagi pihak penerima pindahan, dan tidak mengekalkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan itu atau tidak terlibat secara berterusan dalam pengawalan aset kewangan yang dipindahkan itu.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila, dan hanya apabila, dilunaskan secara sah, iaitu sama ada apabila obligasi yang ditetapkan dalam kontrak diselesaikan atau dibatalkan atau tamat. Pengubahsuaian dalam syarat liabiliti kewangan yang sedia ada diambil kira sebagai penghapusan liabiliti kewangan asal dan pengiktirafan liabiliti kewangan baharu.

(v) Pengiktirafan keuntungan dan kerugian

Perubahan nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan yang diklasifikasikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam untung atau rugi apabila ianya terjadi. Bagi aset kewangan dan liabiliti kewangan dibawa pada kos dilunaskan, keuntungan atau kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi hanya apabila ianya dinyahiktiraf atau terjejas, dan melalui proses pelunasan instrumen.

(vi) Penjejasan nilai dan ketidakupayaan kutipan aset kewangan

NCIA menggunakan model kerugian tertanggung untuk mengiktiraf kerugian penjejasan nilai aset kewangan. Pada akhir setiap tempoh pelaporan, NCIA meneliti sama ada terdapat sebarang tanda yang menunjukkan bahawa aset kewangan atau sekumpulan aset kewangan terjejas nilai. Tanda-tanda kejadian pencetus kerugian termasuk: (i) kesusahan nyata penerbit atau penanggung obligasi; (ii) pelanggaran kontrak, seperti keingkaran atau pembayaran tertunggak faedah atau prinsipal; (iii) pemberian konsesi luar biasa kepada pelanggan; (iv) terdapat kemungkinan pelanggan akan menjadi muflis atau menjalani lain-lain penstrukturan kewangan; (v) kehilangan pasaran aktif bagi aset kewangan kerana masalah kewangan; atau (vi) sebarang data dalam pasaran yang menunjukkan bahawa kemungkinan terdapat penurunan dalam anggaran aliran tunai masa hadapan daripada sekumpulan aset kewangan.

Bagi pinjaman bukan semasa dan penghutang dibawa pada kos dilunaskan, anggaran aliran tunai tersemak didiskaunkan pada kadar faedah berkesan asal. Sebarang kerugian penjejasan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi dan direkodkan dalam akaun elaun kerugian. Sebarang pembalikan kerugian penjejasan nilai berikutnya bagi aset kewangan dibalikkan dalam untung atau rugi dengan pelarasan sepadan pada akaun elaun itu, tertakluk pada had bahawa pembalikan itu tidak boleh menyebabkan nilai dibawa tersemak aset kewangan melebihi nilai yang jika tidak telah ditentukan sekiranya kerugian penjejasan nilai tidak diiktiraf dahulu.

Bagi dagangan jangka pendek dan penghutang lain, dimana kesan diskaun tidak penting, kerugian penjejasan nilai diuji bagi setiap penghutang yang penting apabila terdapat sebarang petunjuk penjejasan nilai. Penghutang penting yang kerugian penjejasan nilainya belum diiktiraf dikumpulkan bersama dengan semua penghutang lain mengikut kelas berdasarkan ciri risiko kredit dan disusun tempoh tertunggak. Elaun kolektif dianggarkan untuk kelas kumpulan tersebut berdasarkan pengalaman NCIA dengan nisbah kerugian dalam setiap kelas, dengan mempertimbangkan keadaan pasaran semasa.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

(e) Tunai Dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi tunai dalam tangan, baki dan deposit di bank dan pelaburan mudah tunai yang berisiko kecil dari segi perubahan nilai saksama dengan tempoh matang tiga bulan atau kurang, dan digunakan oleh NCIA dalam pengurusan komitmen jangka pendek. Bagi tujuan penyata aliran tunai, ianya tidak termasuk deposit tetap yang dicagarkan kepada institusi kewangan.

(f) Kumpulan Wang

Kumpulan Wang adalah satu kumpulan wang yang ditubuhkan dan diuruskan mengikut Akta NCIA 2008 (Akta 687).

(g) Peruntukan Bagi Liabiliti

Peruntukan diiktiraf apabila NCIA mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas yang boleh dianggarkan dengan munasabah, dan ada kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang merangkumi faedah ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi itu. Peruntukan ditentukan dengan mendiskaun aliran tunai masa depan dijangka pada kadar pracukai yang menggambarkan penilaian semasa nilai masa wang dalam pasaran dan risiko spesifik bagi liabiliti itu. Penguraian diskaun diiktiraf sebagai kos kewangan.

(h) Pengiktirafan Pendapatan

(i) Pemberian Geran-Geran Kerajaan Persekutuan

Geran Mengurus dan Pembangunan diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran telah diperakui kelulusannya dan akan diperolehi untuk tahun kewangan tersebut.

Geran Pembangunan diiktiraf dalam penyata pendapatan untuk dipadankan dengan belanja pembangunan seperti mana yang diluluskan. Geran yang tidak dapat dipadankan dengan belanja pembangunan akan ditunjukkan di dalam lembaran imbalan sebagai geran tertunda.

Geran berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset bukan semasa dan diiktiraf sebagai pendapatan berdasarkan asas sistematik ke atas anggaran jangka hayat aset.

(ii) Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas akruan menggunakan kaedah faedah efektif dalam untung atau rugi.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

(iii) Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa daripada hartanah pelaburan diiktiraf dalam untung atau rugi berdasarkan garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan diiktiraf sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan sewa, sepanjang tempoh pajakan.

(iv) Levi

Levi diiktiraf pada asas akruan.

(i) Kebajikan Pekerja

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan jaminan sosial dikenal pasti sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana khidmat telah diberikan oleh kakitangan NCIA. Peruntukan yang dijangka untuk pembayaran jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar dikenal pasti apabila kakitangan telah memberikan khidmatnya di mana ia akan meningkatkan peluang kakitangan tersebut untuk mendapat ganti rugi. Cuti jangka pendek yang tidak boleh dikumpul seperti cuti sakit dikenal pasti apabila ianya berlaku.

Peruntukan dibuat untuk anggaran liabiliti cuti disebabkan oleh perkhidmatan yang telah diberikan oleh pekerja sehingga akhir tempoh pelaporan.

(ii) Pelan caruman

Pelan caruman adalah pelan faedah pasca penggajian dimana NCIA membuat caruman tetap ke dalam dana bebas dan tidak mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif untuk membuat caruman selanjutnya jika mana-mana dana itu tidak memegang aset yang mencukupi untuk membayar semua faedah pekerja yang berkaitan dengan perkhidmatan pekerja pada tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

Caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi apabila ianya berlaku. Seperti dikehendaki oleh undang-undang di Malaysia untuk membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ("KWSP").

(j) Cukai Pendapatan

NCIA dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua pendapatan pada tahap pendapatan berkanun (kecuali untuk dividen) dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun bermula dari tahun 2008 hingga tahun 2017. NCIA telah menerima lanjutan pengecualian cukai untuk 5 tahun (2018-2022) daripada Kementerian Kewangan.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

(k) Pengukuran Nilai Saksama

Bagi aset dan liabiliti (sama ada item kewangan atau bukan kewangan) yang memerlukan pengukuran nilai saksama atau pendedahan, NCIA mewujudkan hierarki pengukuran nilai saksama yang memberi keutamaan tertinggi kepada sebutharga (tidak diselaraskan) dalam pasaran bagi aset, liabiliti atau instrumen ekuiti dan keutamaan terendah pada input yang tidak boleh dipantau.

Pengukuran nilai saksama item dianggarkan dengan menggunakan sebutharga dalam pasaran jika harga tersebut dapat dipantau. Pasaran terbuka ialah pasaran utama bagi aset atau liabiliti atau, jika tiada, maka pasaran paling serupa untuk aset atau liabiliti; dan yang mana NCIA boleh membuat urus niaga bagi aset atau liabiliti pada harga di pasaran itu pada tarikh pengukuran.

Jika tiada harga dipasaran terbuka, nilai saksama item dianggarkan dengan teknik penilaian menggunakan input daripada pasaran yang dapat dipantau bagi sebahagian besar tempoh penuh aset atau liabiliti.

Jika tiada dikedua-duanya, pengukuran nilai saksama item dianggarkan dengan teknik penilaian menggunakan input tidak boleh dipantau, termasuk andaian munasabah dan boleh disokong.

(l) Mata Wang Berfungsi Dan Pembentangan

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ('RM') yang merupakan mata wang berfungsi NCIA. Semua nilai dibundarkan ke RM terdekat melainkan seperti yang telah dinyatakan.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

(a) Butiran hartanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:-

ASET OPERASI

2018	Perabot & Peralatan Pejabat (RM)	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Pembaikan - Kerja Dalam Perlaksanaan	Komputer & Peralatan Berkaitan komputer (RM)	Kenderaan (RM)	Jumlah (RM)
KOS							
Pada Januari 1	1,015,803	-	-	-	2,320,214	1,015,501	4,351,518
- Tambahan	13,038	-	-	2,731,467	114,049	-	2,858,554
- Hapuskira	(120,527)	-	-	-	(275,640)	-	(396,167)
Pada 31 Disember	908,314	-	-	2,731,467	2,158,623	1,015,501	6,813,905
Susut Nilai Terkumpul							
Pada Januari 1	897,399	-	-	-	2,091,835	890,582	3,879,816
Perubahan Semasa							
- Tambahan	46,860	-	-	-	153,924	45,422	246,206
- Hapuskira	(120,486)	-	-	-	(275,580)	-	(396,066)
Pada 31 Disember	823,773	-	-	2,731,467	1,970,179	936,004	3,729,956
Nilai Dibawa Pada 31 Disember	84,541	-	-	2,731,467	188,444	79,497	3,083,949

ASET PEMBANGUNAN

2018	Perabot & Peralatan Pejabat (RM)	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Pembaikan - Kerja Dalam Perlaksanaan	Komputer & Peralatan Berkaitan komputer (RM)	Kenderaan (RM)	Jumlah (RM)
KOS							
Pada Januari 1	1,716,680	-	-	-	163,205	594,438	2,474,323
- Tambahan	-	-	-	-	-	-	-
- Pengelasan Semula	-	9,660,000	20,340,000	-	-	-	30,000,000
Pada 31 Disember	1,716,680	9,660,000	20,340,000	-	163,205	594,438	32,474,323
Susut Nilai Terkumpul							
Pada Januari 1	1,716,680	-	-	-	163,205	363,173	2,243,058
Perubahan Semasa							
- Tambahan	-	-	-	-	-	89,523	89,523
- Pengelasan Semula	-	15,358	39,342	-	-	-	54,700
Pada 31 Disember	1,716,680	15,358	39,342	-	163,205	452,696	2,387,281
Nilai Dibawa Pada 31 Disember	-	9,644,642	20,300,658	-	-	141,742	30,087,042
Jumlah Nilai Dibawa Pada 31 Disember	84,541	9,644,642	20,300,658	2,731,467	188,444	221,239	33,170,991

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

ASET OPERASI

2017	Perabot & Peralatan Pejabat (RM)	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Pembaikan - Kerja Dalam Peraksanaan	Komputer & Peralatan Berkaitan komputer (RM)	Kenderaan (RM)	Jumlah (RM)
KOS							
Pada Januari 1	945,385	-	-	-	2,134,770	954,938	4,035,093
- Tambahan	70,418	-	-	-	185,444	60,563	316,425
- Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember	908,314	-	-	-	2,320,214	1,015,501	4,351,518
Susut Nilai Berkumpul							
Pada Januari 1	837,176	-	-	-	1,972,614	836,109	3,645,899
Perubahan Semasa							
- Tambahan	60,223	-	-	-	119,221	54,473	233,917
- Hapuskira	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember	897,399	-	-	-	2,091,835	890,582	3,879,816
Nilai Dibawa Pada 31 Disember	118,404	-	-	-	228,379	124,919	471,702

ASET PEMBANGUNAN

2017	Perabot & Peralatan Pejabat (RM)	Tanah Hakmilik Sementara	Bangunan Hakmilik Sementara	Pembaikan - Kerja Dalam Peraksanaan	Komputer & Peralatan Berkaitan komputer (RM)	Kenderaan (RM)	Jumlah (RM)
KOS							
Pada Januari 1	1,716,680	-	-	-	163,205	594,438	2,474,323
- Tambahan	-	-	-	-	-	-	-
Pada 31 Disember	1,716,680	-	-	-	163,205	594,438	3,244,323
Susut Nilai Berkumpul							
Pada Januari 1	1,692,737	-	-	-	163,031	273,649	2,129,417
Perubahan Semasa							
- Tambahan	23,943	-	-	-	174	89,524	113,641
Pada 31 Disember	1,716,680	-	-	-	163,205	363,173	2,243,058
Nilai Dibawa Pada 31 Disember	-	-	-	-	-	231,265	231,265
Jumlah Nilai Dibawa Pada 31 Disember	118,404	-	-	-	228,379	356,184	702,967

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

5. HARTANAH PELABURAN

	2018	2017
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	51,620,000	50,020,000
Tambahan hartanah pelaburan	-	-
Keuntungan atau kerugian kerana perubahan nilai	1,115,000	1,600,000
Pengelasan semula kepada hartanah, loji dan peralatan	(30,000,000)	-
Baki pada 31 Disember	22,735,000	51,620,000

Nilai semasa hartanah pelaburan telah ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (“JPPH”) Kementerian Kewangan Malaysia.

Pengelasan semula dibuat berdasarkan perubahan dalam penggunaan dengan bermulanya pendudukan sendiri Bangunan Ibu Pejabat di Bukit Minyak pada 1 Disember 2018.

6. PENGHUTANG

	2018	2017
	RM	RM
Jangka pendek (Pembayaran balik dari 2011-2018)	50,401,730	47,963,914
Tolak : Elaun hutang ragu	(50,401,730)	(47,963,914)
	-	-
Jangka panjang (Pembayaran balik dari 2019-2023)	8,594,447	10,364,413
Tolak : Elaun hutang ragu	(8,594,447)	(10,364,413)
	-	-
	-	-

Pinjaman ini mewakili pembayaran balik pinjaman daripada syarikat-syarikat peneraju untuk tempoh 3 - 12 tahun, tidak bercagar dan tanpa faedah. Elaun hutang ragu sebanyak RM58,996,177 (2017 : RM58,328,327) telah diperuntukkan berdasarkan penilaian terhadap prestasi syarikat-syarikat peneraju.

7. PELBAGAI PENGHUTANG, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	2018	2017
	RM	RM
Pelbagai Penghutang	545,962	1,248,792
Tolak: Elaun hutang ragu (Nota a)	(166,577)	(304,492)

	379,385	944,300

Deposit	409,934	334,479
Prabayar (Nota b)	1,581,916	2,161,158
	-----	-----
	2,371,235	3,439,937
	-----	-----

(a) Pergerakan elaun hutang ragu adalah seperti berikut :-

Baki pada 1 Januari	304,492	207,090
Tambahan elaun hutang ragu	15,746	97,402
Elaun hutang ragu tidak lagi diperlukan	(153,661)	-
	-----	-----
Baki pada 31 Disember	166,577	304,492
	-----	-----

(b) Ini termasuk tanah pajakan prabayar yang akan dilunaskan seperti berikut :-

Tidak lebih daripada dua belas bulan	304,492	207,090
Selepas dua belas bulan	15,746	97,402
	-----	-----
	166,577	304,492
	-----	-----

8. DEPOSIT TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

	2018	2017
	RM	RM
Kumpulan Wang Mengurus	8,994,219	9,558,058
Kumpulan Wang Pembangunan	87,111,309	153,567,352
Dana PEMANDU	3,999,982	3,999,982
Dana Khas - UPE	36,006,595	43,873,014
Dana Khas - TERAJU	2,923,385	10,594,881
	-----	-----
	139,035,490	221,593,287
	-----	-----

Deposit tetap sebanyak RM100,000 (2017 : RM100,000) dicagarkan sebagai jaminan untuk fasiliti bank.

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

9. KUMPULAN WANG MENGURUS

	2018	2017
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	9,744,092	19,081,375
Tambahan: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	24,949,700	24,949,700
Pendapatan faedah	7,396,506	11,810,036
Pendapatan lain*	1,465,295	1,450,039
	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>
	43,555,593	57,291,150
 Tolak: -		
Perbelanjaan Operasi # (Nota 15)	32,261,011	47,547,058
	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>	<hr style="border-top: 1px solid black;"/>
Baki pada 31 Disember	11,294,582	9,744,092
	<hr style="border-top: 3px double black;"/>	<hr style="border-top: 3px double black;"/>

* Termasuk di dalam Pendapatan Lain adalah Elaun hutang ragu tidak lagi diperlukan berjumlah RM153,661 (2017 : RM Nil)

Termasuk di dalam Perbelanjaan operasi adalah susut nilai aset operasi untuk tahun semasa berjumlah RM246,206 (2017 : RM233,917)

10. KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

	2018	2017
	RM	RM
Baki pada 1 Januari	207,431,139	374,740,553
Tambahan: -		
Pemberian Kerajaan Persekutuan	22,125,000	32,850,000
Pendapatan faedah aset kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	1,485,154	1,919,365
	<hr/>	<hr/>
	231,041,293	409,509,918
Tolak: - Geran Dana Pembangunan dilunaskan		
Pertanian	11,413,910	3,977,216
Pembuatan	21,018,524	27,429,659
Pelancongan	(111,831)	2,131,848
Pendidikan dan Modal Insan	3,325,159	4,862,176
Logistik	16,336,074	115,283,736
Projek Khas	36,059,036	27,957,612
Elaun Hutang Ragu	667,850	20,421,041
Perbelanjaan faedah liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	817,304	15,491
	<hr/>	<hr/>
	89,526,026	202,078,779
Baki pada 31 Disember	<hr/>	<hr/>
	141,515,267	207,431,139
Diwakili oleh:-		
Hartanah, loji dan peralatan	30,087,042	231,265
Hartanah pelaburan	22,735,000	51,620,000
Deposit tetap dengan institusi kewangan	87,111,309	153,567,352
Prabayar	1,581,916	2,012,522
	<hr/>	<hr/>
	141,515,267	207,431,139

Termasuk di dalam geran dana pembangunan dilunaskan adalah susut nilai aset pembangunan untuk tahun semasa berjumlah RM144,223 (2017 : RM113,641).

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

11. DANA PEMANDU

	2018 RM	2017 RM
Diwakili oleh:		
Deposit tetap dengan institusi kewangan	3,999,982	3,999,982

(Dana PEMANDU - Dana Fasilitasi untuk projek dibawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA))

12. DANA KHAS - UNIT PERANCANG EKONOMI (UPE)

	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari		
Tambah : Pemberian Kerajaan Persekutuan	43,873,014	49,398,176
	-	2,000,000
	43,873,014	51,398,176

Tolak : Geran Dana Khas - UPE dilunaskan

Pendidikan dan Modal Insan	5,532,550	1,717,372
Pertanian	2,333,869	5,807,790
	7,866,419	7,525,162

Baki pada 31 Disember

36,006,595 43,873,014

Diwakili oleh:

Deposit tetap dengan institusi kewangan	36,006,595	43,873,014
---	------------	------------

(Dana Khas - Unit Perancang Ekonomi - Dana Fasilitasi untuk projek dan kajian dibawah "Border Economic Transformation Programme (BETP)" serta "Shared Value Programme")

13. DANA KHAS - TERAJU

	2018 RM	2017 RM
Baki pada 1 Januari	10,594,881	23,451,149
Tolak : Geran Dana Khas - TERAJU dilunaskan	7,671,496	12,856,268
Baki pada 31 Disember	2,923,385	10,594,881

Diwakili oleh:

Deposit tetap dengan institusi kewangan	2,923,385	10,594,881
---	-----------	------------

(Dana Khas - TERAJU - Dana fasilitasi untuk projek Bumiputera melalui TERAJU@Koridor)

14. PELBAGAI PEMIUTANG DAN AKRUAN

	2018 RM	2017 RM
Pemiutang Lain	1,839,654	1,378,292
Perbelanjaan Terakru	1,808,295	5,358,868
	3,647,949	6,737,160

15. PERBELANJAAN OPERASI

	2018	2017
	RM	RM
Kumpulan Wang Mengurus:		
- Gaji	13,578,303	16,187,080
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	2,968,329	3,123,542
- Kumpulan Wang Keselamatan Sosial	131,537	121,886
- Kos kakitangan lain	242,062	3,732,865
- Elaun kenderaan	1,553,302	1,362,727
- Elaun perjalanan	63,367	58,379
Sewaan pejabat	1,467,991	1,197,638
Perbelanjaan pejabat	1,022,654	1,263,832
Susut Nilai hartanah, loji dan peralatan	246,206	233,917
Promosi, Pemasaran Serta Penggalakan Pelaburan	(501,009)	6,566,346
Penginapan dan perjalanan	4,041,624	5,240,232
Fi guaman dan profesional	637,523	1,879,730
Elaun Ahli Majlis Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara	122,122	188,468
Elaun Ahli Jawatankuasa Pengurusan	-	4,950
Elaun Ahli Jawatankuasa Tender	2,600	6,800
Elaun Ahli Jawatankuasa Audit	7,950	3,150
Kos percetakan dan alat tulis	338,417	317,455
Sewaan peralatan lain	142,288	227,017
Penyelenggaraan dan pembaikan	1,600,873	1,219,973
Kos perubatan	2,024,087	1,829,310
Kos keraian	404,260	520,599
Caj bank	4,690	5,427
Kos utiliti	1,339,288	1,367,474
Pos dan penghantaran	10,051	10,048
Kos telekomunikasi	681,085	625,619
Fi Audit	19,373	19,233
Latihan dan pembangunan modal insan	96,191	135,959
Hapus kira hartanah, loji dan peralatan	101	-
Elaun hutang ragu	15,746	97,4012
	32,261,011	47,547,058

NOTA – NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2018

16. MAKLUMAT PEKERJA

	2018	2017
	RM	RM
Kos kakitangan	18,536,900	3,999,982

Termasuk dalam kos kakitangan adalah sumbangan daripada Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja berjumlah RM2,968,329 (2017 : RM3,123,542).

17. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Manfaat bagi pegawai pengurusan utama

Pegawai pengurusan utama ialah kakitangan yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti NCIA, secara terus atau sebaliknya. Jumlah manfaat bagi pegawai pengurusan utama NCIA sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:-

	2018	2017
	RM	RM
Jumlah manfaat bagi pegawai pengurusan utama	3,991,096	4,819,947

18. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara dikecualikan daripada cukai pendapatan selaras dengan surat pengecualian cukai yang diperolehi daripada Kementerian Kewangan di bawah subseksyen 127 (3A) Akta Cukai Pendapatan 1967. Semua punca pendapatan diperingkat pendapatan statutori (kecuali pendapatan dividen) dikecualikan daripada cukai pendapatan bagi tempoh 10 tahun mulai tahun taksiran 2008 hingga 2017. NCIA telah menerima lanjutan pengecualian cukai untuk 5 tahun (2018-2022) daripada Kementerian Kewangan.

Penyesuaian perbelanjaan cukai yang dikenakan kepada lebihan/(defisit) sebelum cukai pada kadar cukai diperingkat pendapatan statutori kepada perbelanjaan cukai pada kadar cukai pendapatan efektif adalah seperti berikut: -

	2018	2017
	RM	RM
Lebihan/(Defisit) sebelum cukai	1,550,490	(9,337,283)
Cukai diperingkat pendapatan statutori @ 24%	(372,118)	2,240,948
Perbelanjaan yang tidak boleh ditolak untuk pengiraan cukai	(32,957,988)	(64,801,744)
Pendapatan yang dikecualikan cukai	33,330,106	62,560,796
	-	-

19. KOMITMEN PERBELANJAAN OPERASI DAN PEMBANGUNAN

	2018	2017
	RM	RM
Diluluskan dan dikontrakkan		
Komitmen perbelanjaan pembangunan	127,907,036	158,690,524
Diluluskan dan belum dikontrakkan		
Komitmen perbelanjaan pembangunan	341,115,800	312,061,975

20. KOMITMEN PERBELANJAAN MODAL

	2018	2017
	RM	RM
Diluluskan dan dikontrakkan		
Komitmen perbelanjaan modal	444,893	-

DIREKTORI

Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)

IBU PEJABAT

No. 1114, Jalan Perindustrian Bukit Minyak 18,
Penang Science Park,
14100 Simpang Ampat,
Pulau Pinang, MALAYSIA

Tel : + (604) 502 0708
Fax : + (604) 502 0194

CAWANGAN KEDAH

No. 30A, Tingkat 2, Wisma PKNK,
Jalan Sultan Badlishah,
05000 Alor Setar,
Kedah, MALAYSIA

Tel : + (604) 732 9881
Fax : + (604) 734 2881

CAWANGAN PERLIS

d/a Menteri Besar Incorporation,
Tingkat Mezzanine, Kompleks Warisan Negeri,
Jalan Kolam, 01000 Kangar,
Perlis, MALAYSIA

Tel : + (604) 970 4651
Fax : + (604) 970 4651

CAWANGAN PERAK

Aras 10 (Office 9),
Menara Perak Techno Trade Centre (PTTC),
Bandar Meru Raya,
Off Jalan Jelapang,
30020 Ipoh,
Perak, MALAYSIA

Tel : + (605) 525 3617
Fax : + (605) 525 3615

PEJABAT CYBERJAYA

C-09-02, C-09-3A & C-09-06, iTech Tower,
Jalan Impact, Cyber 6,
63000 Cyberjaya,
Selangor, MALAYSIA

Tel : + (603) 8322 2222
Fax : + (603) 8322 6417

